

Usaha sungguh² kembalikan gemilangan Islam - PM

UM
KUALA LUMPUR 14

Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengesakan bahawa umat Islam mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam supaya mereka dihormati oleh bangsa-bangsa lain.

Katanya, umat Islam tidaklah harus berbangga dengan tamadun kegemilangan yang telah berlalu itu, yang begity ghairah mahu dikembalikan oleh umat Islam di merata-rata tempat sejak beberapa dekad ini.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Perdana Menteri berkata umat Islam mesti mempunyai persediaan yang cukup daripada segi rohani dan jasmani, sesuai dengan perkembangan zaman.

Dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena musababah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan yang akan bermula di Melaka malam esok, Datuk Sri Dr. Mahathir juga meqyatakan:

"Tugas murni itu memanglah menjadi tanggungjawab umat Islam sendiri dan kita tidak boleh mengharap, kan bantuan atau pertolongan orang lain.

"Islam telah memberikan formula serta panduan yang lengkap sebagai yang termaktub dalam Al-Quran dan Al-Sunnah untuk membolehkan umatnya mencapai tujuan tersebut.

Tambahnya, umat Islam mestilah bekerja kuat dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan secukupnya kerana jatuh bangun sesuatu kaum itu ditentukan oleh kaum itu sendiri dan Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum me-

lainkan kaum itu sendiri mengubahnya.

Beliau berkata, tema musababah iaitu "Berilmu Berusaha Tuntutan Al-Quran" merupakan satu usaha untuk mengajak umat Islam menilai semula sejauh manakah persiapan dan persediaan yang telah dilakukan untuk mengembalikan semula zaman keagungan Islam itu.

"Memang tidak dapat dinafikan tanpa ilmu dan usaha yang bersungguh-sungguh nasib sesuatu bangsa tidak akan dapat diperjuangkan," tegasnya lagi.

Tema itu, katanya, sangat berkait rapat dengan suasana dan kedudukan umat Islam dewasa ini yang sedang menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ujian, sama ada yang berbentuk fizikal mahupun mental.

Beliau kemudian mengajak semua umat Islam, menghayati nilai-nilai dan ajaran Islam di dalam kehidupan masing-masing.